

Industri ayam daging sumbangkan RM12b KDNK

➔ Produk tempatan halal dapat permintaan tinggi luar negara

Oleh Sri Ayu Kartika Amri
kartika@nstp.com.my

Industri ayam daging secara komersial di Malaysia berkembang antara lima hingga enam peratus setiap tahun dan menyumbang kira-kira RM12 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2016.

Presiden Persatuan Ayam Veterinar Dunia (MVPA) Malaysia, Prof Dr Abdul Rahman Omar, berkata segmen ayam daging dan telur adalah penyumbang terbesar iaitu kira-kira 90 peratus daripada keseluruhan industri.

Katanya, permintaan ayam daging di negara ini terus mendapat permintaan daripada luar negara terutama di Asia Barat dan Eropah.

"Ayam daging Malaysia turut dieksport ke negara Singapura, Brunei, Hong Kong, Jepun dan Timur Tengah.

"Bagi perancangan akan datang, kami menjangkakan



Dari kiri, Abdul Rahman, Horrox dan Dr Aini pada sidang media Mesyuarat Asia Ke-4 WVPA 2018 di Kuala Lumpur, semalam.

untuk menembusi pasaran Eropah kerana telah mendapat permintaan di sana yang kebanyakannya mencari ayam daging halal," katanya.

Cabaran industri ayam

Beliau berkata demikian pada sidang media sempena Mesyuarat Asia Ke-4 WVPA 2018 di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama, Presiden MVPA, Dr Nigel Horrox; Naib Presiden

MVPA dan Prof Datuk Dr Aini Ideris.

Mesyuarat kali ke-4 itu menghimpunkan lebih 370 delegasi dari 20 negara bagi membincangkan cabaran yang dihadapi dalam industri ayam daging terkini termasuk mengenai vaksin dan kawalan penyakit bawaan virus serta bakteria.

Dr Abdul Rahman berkata, sejak 1980 Malaysia telah menghasilkan ayam daging komer-

sial yang mencukupi dengan pertumbuhan 130 peratus bagi menampung permintaan tempatan dan eksport.

Beliau berkata, syarikat dan penyelidik tempatan juga sentiasa berusaha menghasilkan teknologi terkini untuk memastikan ayam daging yang dihasilkan berkualiti terbaik.

MVPA Malaysia mempunyai lebih 400 ahli di seluruh negara.

[FOTO ANIS/BH]